

SOALAN NO: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Datuk Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah status Klinik Bergerak 1Malaysia yang dilancarkan di Sarawak namun kini tidak kelihatan memberikan perkhidmatan kepada masyarakat khususnya yang tinggal di Bahagian Kapit.

Tuan Yang di-Pertua,

Bot Klinik Bergerak 1Malaysia (KB1M) mula beroperasi di Sungai Rejang pada tahun 2014. Walaubagaimana terdapat kerosakan bot yang diperlukan untuk hantar ke dockyard bagi penyelenggaraan dari 28 April 2016 hingga 3 Ogos 2016. Sementera itu, pasukan kesihatan bergerak sedia ada telah digunakan melalui jalan darat dan jalan sungai bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan. Dari tahun 2014

hingga sekarang sebanyak 15 lokasi telah dilawati dengan jumlah kedatangan pesakit 1,811 orang.

Pada 3 Ogos 2016 bot tersebut tidak belayar ke Belaga kerana tidak melepassi jeram *Upper Pelagus* yang cetek dengan air yang laju serta mengalami kerosakan. Seterusnya bot tersebut dibawa balik ke Kapit untuk dibaiki dan selesai dibaiki pada 17 Ogos 2016. Beberapa kali usaha dilakukan untuk melepassi jeram *Upper Pelagus* tetapi gagal.

Pada 8 Oktober 2016 bot KB1M Sungai Rajang telah berjaya melepassi jeram *Upper Pelagus* dan telah memulakan semula perkhidmatan pada 10 Oktober 2016.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Gooi Hsiao-Leung
[Alor Setar]

TARIKH : 19 Oktober 2016

SOALAN : Tuan Gooi Hsiao-Leung minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sama ada program “MyBeras” telah pun dibatalkan, sekiranya ya, untuk memberi penjelasan pembatalan program itu dan sama ada Kerajaan akan melaksanakan sebarang skim gantian lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Program MyBeras telah dibatalkan dan edaran beras yang telah dilaksanakan di beberapa tempat pada peringkat awal adalah merupakan mekanisme pengujian pengedaran bagi menilai keberkesanan program yang akan dijalankan. Program ini tidak diteruskan kerana terdapat keperluan untuk mengkaji dan melaksanakan penambahbaikan mekanisme pengedaran beras termasuk senarai penerima bantuan. Kementerian sedang mengkaji program gantian yang bebentuk bantuan kepada rakyat miskin dan akan memaklumkan kepada rakyat mengenainya sekiranya telah dimuktamadkan.